

D.R. 12/91

Naskhah Sahib—Bahasa Malaysia

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut;

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) 1991. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ribu lima ratus empat puluh satu juta empat ratus tujuh puluh ribu ringgit (\$2,541,470,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1990, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990 dan Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) 1990. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1990.  
Akta A744  
Akta A773  
Akta A787.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan  
tambahan  
bagi tahun  
1991.

Akta A788.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus lima juta lima puluh sembilan ribu satu ratus ringgit (\$205,059,100) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1991, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1991.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	80,700
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	20,846,000
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	580,300
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	135,100,000
B. 10	Jabatan Peguam Negara	959,800
B. 13	Kementerian Kehakiman	4,183,100
B. 19	Kementerian Pertanian	63,310,000
B. 26	Kementerian Pendidikan	81,832,300
B. 27	Kementerian Luar Negeri	28,599,800
B. 28	Perbendaharaan	8,352,300
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	60,000,000
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,079,000,000
B. 34	Kementerian Kesihatan	20,000,000
B. 40	Jabatan Penjara	13,053,000
B. 43	Jabatan Pertahanan Awam	4,700
B. 47	Kementerian Pengangkutan	2,193,000
B. 51	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	721,900
B. 52	Kementerian Kerja Raya	3,905,100
B. 54	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	18,748,000
	JUMLAH	2,541,470,000

JADUAL KEDUA  
(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud \$
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	5,782,000
B. 19	Kementerian Pertanian	45,686,600
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	2,342,500
B. 21	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	2,069,000
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	100,500,000
B. 36	Polis DiRaja Malaysia	10,000,000
B. 52	Kementerian Kerja Raya	12,000,000
B. 54	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	24,717,000
B. 56	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	1,962,000
	Jumlah	205,059,100

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1990 dan 1991 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990, Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) 1990 dan Akta Perbekalan 1991. [PN. (U<sup>2</sup>) 1675.]